

JUDUL : Berita Harian

TARIKH : Khamis, 15 Ogos 2019

M/S : 77

BH KHAMIS, 15 OGOS 2019

Sastera & Budaya

77

Ilmu perkasihian sifat semula jadi, tuntutan zaman

Petua, panduan mengenai penyakit dirakam dalam manuskrip untuk dijadikan panduan

Oleh Hafizah Iszahanid
hafiza@bh.com.my

Kuala Lumpur: Di sebalik ilmu perkasihian atau seksologi termasuk masalah kelamin kerap ditemui dalam kebanyakan kitab tib atau perubatan Melayu, ia bukan menjelaskan keutamaan hubungan intim suami isteri dalam budayanya.

Bagaimanapun, penumpuan seksologi yang menjadi salah satu daripada 10 korpus ilmu tradisional Melayu itu berlaku disebabkan sifat semula jadi manusia dan keperluan sezaman.

Sembilan korpus lain ialah ilmu perubatan, ramalan, bahasa, hisab, pertanian, persenjataan, per-

tukangan, kesenian dan penulisan.

Pengkaji sastera tradisional, Dr Harun Mat Piah, berkata hal itu perlu dilihat secara akademik dan mengambil kira hakikat kemudahan perubatan dulu tidak seanggih pada masa kini.

"Oleh itu, petua dan panduan mengenai penyakit dirakamkan dalam manuskrip untuk diamalakan dan dijadikan panduan.

"Ada pelbagai jenis penyakit dan seribu satu masalah misalnya manuskrip yang merekodkan penyakit puru dan kencing manis. Justeru, masalah hubungan suami isteri juga perlu dilihat sebagai penyakit," katanya pada Wacana Manuskrip Melayu Ilmu Perkasihian Melayu di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) di sini.

Harun berkata, dalam tradisi atau budaya Melayu, ilmu perkasihian dipentingkan tetapi lebih kepada jenis penyakit, rawatan dan cara mengatasinya.

"Sebenarnya, ia boleh dilihat sebagai keperluan memperkatakan kerana perkahwinan tentu sahaja bertujuan mendapatkan zuriat hingga sebarang masalah yang timbul berhubung dengan-

nya, perlu diselesaikan," katanya. Tegas Harun, ia juga menunjukkan orang Melayu sejak dahulu kala sudah mempunyai sistem atau pendekatan eksklusif daripada segi konsep terhadap penyakit merangkumi mengenal pasti, merawat, mengubat dan pantang larang.

"Ia juga memberikan panduan cara mengelak penyakit termasuk ramuan malah hingga proses pembuatan ubat dan istilah yang digunakan," katanya.

Harun berkata, persoalan seksologi bukan sahaja dimuatkan dalam kitab tib, bahkan turut dicatatkan dalam kitab khusus yang membincangkan persoalan itu tetapi halamannya agak pendek antara 30 hingga 40 halaman sahaja.

"Umumnya, hal sebegini hanya menjadi sebahagian keseluruhan perbincangan kitab tib atau kitab ramalan seperti *Kitab Tajul Muluk*.

"*Tajul Muluk* ialah kitab tib tipikal Melayu yang persoalannya bercampur-campur misalnya mengenai ramalan dan kejadian langit serta bumi tetapi tetap menyelitkan bab mengenai seksologi," katanya.

Orang Melayu sejak dahulu kala sudah mempunyai sistem atau pendekatan eksklusif daripada segi konsep terhadap penyakit merangkumi mengenal pasti, merawat, mengubat dan pantang larang.

Harun Mat Piah,
Pengkaji sastera tradisional



Tegas Harun, dalam persoalan hubungan suami isteri, kebanyakan kitab tib merakamkannya berdasarkan hukum-hukum agama dan sunnah Rasulullah SAW meskipun isi kandungannya menyetujui mengenai cara, perlakuan, posisi atau waktu tetapi masih menekankan persoalan adab.

Selain itu, beliau berkata, turut dimuatkan ialah pantang-larang membabitkan perlakuan atau jenis pemakanan, selain amalan doa, jampi dan mantera serta azimat.

"Tidak ketinggalan ilmu pengasih merangkumi amalan memikat perempuan atau lelaki, selain ilmu pembenci.

"Antara paling popular ialah panduan kepada isteri untuk kekal menarik di mata suami dengan amalan yang ditulis dalam kebanyakan kitab tib adalah menggunakan hempedu kambing

hitam dan madu.

"Sementara petua paling popular bagi lelaki ialah panduan menguatkan tenaga batin yang lemah, iaitu minum air madu minyak lenga dicampur dengan pati kunyit dan santan yang disukat dengan kulit telur," katanya.

Tegas Harun, petua berdasarkan sukatan atau keadaan sezaman hingga mungkin sukar diamalakan pada masa ini seperti penggunaan kambing atau ayam hitam yang kini payah ditemui.

"Sebagai korpus ilmu perubatan, terdapat juga penjelasan dan cara mengatasi masalah berkaitan kemandulan yang rawatan biasanya ditujukan kepada isteri.

"Malah ada juga panduan dimuatkan dalam kitab tib seperti ilmu pengunci untuk memastikan isteri tidak berhubungan dengan lelaki lain," katanya.